

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.10/2023

Tarikh : 27 Disember 2023

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan/
Pusat Pegajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan
Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia

11800 USM Pulau Pinang

T: 04-6533131 / 04-6534288

F: 04-6588205

E: bursar@usm.my

L: bursary.usm.my / www.usm.my

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 10 TAHUN 2023
PENAMATAN POTONGAN GAJI STAF BAGI URUSAN PERSENDIRIAN DAN PENGENALAN
KADAR CAJ PERKHIDMATAN/PENGAKTIFAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Jabatan Bendahari melihat adalah wajar untuk staf menguruskan bayaran persendirian melalui kepelbagaian kemudahan bayaran yang disediakan oleh agensi, yang selama ini diuruskan oleh Jabatan Bendahari bagi pihak staf.

3. Sehubungan itu, sebanyak lima (5) jenis potongan gaji telah dikenal pasti untuk dilaksanakan terlebih dahulu dan akan **ditamatkan perkhidmatan potongan** seperti berikut:-

- | | |
|----------------|-------------------------------------|
| a. Tabung Haji | d. Etiqa Life Insurance |
| b. ASB | e. Takaful Nasional (Etiqa Takaful) |
| c. Takaful | |

4. Namun, atas prinsip terus memberikan kemudahan dan perkhidmatan kepada staf USM, Jabatan Bendahari masih boleh membantu menguruskan potongan gaji staf bagi urusan persendirian ini dengan mengenakan caj perkhidmatan ke atas setiap transaksi (bagi setiap satu jenis potongan) yang terlibat.

5. Jabatan Bendahari akan mengenakan **Caj Perkhidmatan RM1.00/transaksi** untuk potongan gaji bulanan dan **Caj Pengaktifan sebanyak RM2.00/pengaktifan** (bagi setiap satu jenis potongan) yang diaktifkan berkuatkuasa mulai potongan gaji Januari 2024.

6. Justeru, staf yang mempunyai potongan gaji melibatkan lima (5) jenis potongan di atas perlu membuat **pengemaskinian tarikh tamat** yang baharu selewat-lewatnya pada **12 Januari 2024**, melalui portal **Campus Online [FIS@USM>MyAccount>iPotongan]** yang boleh diakses mulai **3 Januari 2024** jika ingin meneruskan potongan melalui Jabatan Bendahari, tertakluk kepada kadar caj yang ditetapkan. Sekiranya pengemaskinian tidak dibuat, maka potongan bagi bulan Januari 2024 dan seterusnya akan terhenti.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua staf di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL ABD RAHIM)

Bendahari

s.k. Naib Canselor

**PENAMATAN POTONGAN GAJI STAF BAGI URUSAN PERSENDIRIAN DAN
PENGENALAN KADAR CAJ PERKHIDMATAN/PENGAKTIFAN**

Jenis Potongan Yang Terlibat	Caj Perkhidmatan	Caj Pengaktifan
i. Tabung Haji ii. ASB iii. Takaful iv. Etiqa Life Insurance v. Takaful Nasional (Etiqa Takaful)	RM1.00/Transaksi *dikenakan setiap bulan apabila potongan dibuat untuk setiap satu jenis potongan mulai penggajian Januari 2024	RM2.00/Pengaktifan *Dikenakan setiap kali berlaku pengaktifan baharu selepas 12 Januari 2024

SOALAN LAZIM

- Soalan** Saya mempunyai potongan semasa Tabung Haji dan ASB, ingin meneruskan potongan seperti sebelum ini, apa yang perlu saya lakukan?

Jawapan Tuan/ puan boleh mengemaskini tarikh tamat potongan yang baharu melalui portal Campus Online [FIS@USM>MyAccount>iPotongan] selewat-lewatnya pada 12 Januari 2024.
- Soalan** Apa akan berlaku kepada potongan semasa saya jika tidak membuat pengemaskinian sehingga 12 Januari 2024?

Jawapan Potongan bagi bulan Januari 2024 dan seterusnya akan terhenti.
- Soalan** Bila caj perkhidmatan akan dikenakan?

Jawapan Caj Perkhidmatan sebanyak RM1.00/transaksi akan dikenakan mulai potongan Januari 2024 untuk staf yang telah membuat pengemaskinian bagi meneruskan potongan melalui Jabatan Bendahari.
- Soalan** Sekiranya saya mempunyai lebih dari satu potongan seperti ASB dan Tabung Haji, berapa caj perkhidmatan akan dikenakan?

Jawapan Caj perkhidmatan akan dikenakan ke atas setiap satu jenis potongan yang tersenarai. Jika tuan/ puan mempunyai 2 potongan yang terlibat bermaksud RM2.00 akan dikenakan bagi transaksi tersebut.
- Soalan** Bila caj pengaktifan akan dikenakan?

Jawapan Caj Pengaktifan akan dikenakan sekiranya tuan/ puan membuat permohonan untuk Jabatan Bendahari menguruskan potongan gaji selepas 12 Januari 2024 secara one off untuk setiap jenis potongan.
- Soalan** Potongan Tabung Haji saya telah dihentikan pada bulan Disember 2023, tetapi pada bulan Mac 2024, saya membuat keputusan untuk Jabatan Bendahari menguruskan potongan saya. Adakah dibolehkan?

Jawapan Ya boleh, Caj Pengaktifan sebanyak RM2.00 akan dikenakan secara one off dan seterusnya caj perkhidmatan sebanyak RM1.00 akan dikenakan setiap bulan sehingga potongan tamat.
- Soalan** Saya mempunyai potongan Tabung Haji sebanyak RM200.00 sebulan yang diuruskan oleh Jabatan Bendahari, dan ingin membuat pengemaskinian jumlah potongan, adakah akan dikenakan Caj Pengaktifan?

Jawapan Tidak, Caj Pengaktifan tidak akan dikenakan.

* Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Unit Emolumen di sambungan berikut:
Kampus Induk (81)4130 Pn. Noor Bahirah Mohd Ali atau (81)4134 Cik Yassheni A/p Sandrageson
Kampus Kejuruteraan (81)6265 Pn. Yuzaini Yusoff
Kampus Kesihatan (83)2108 En. Wan Mohd Halimsani Wan Pa atau (83)2135 Pn. Noridah Yaakub